

Ciri Personaliti Keusahawanan Pelajar Tahun 2 Sph Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor.

Shahrin Bin Hashim & Noraini Binti Radio
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Keupayaan keusahawanan pelajar amat penting untuk bersaing dalam ekonomi global masa kini. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri keusahawanan dari segi personaliti. Ciri personaliti keusahawanan pelajar dikaji dalam empat dimensi iaitu dorongan kejayaan, lokus kawalan, kesediaan mengambil risiko dan nilai sendiri. Sebanyak 89 sampel daripada pelajar Tahun Dua Kursus Kemahiran Hidup, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor dipilih untuk kajian ini. Soal selidik yang mengandungi 40 item digunakan sebagai instrumen kajian untuk meninjau ciri personaliti keusahawanan di kalangan pelajar. Kajian deskriptif berbentuk tinjauan digunakan dalam kajian ini. Data dianalisis secara deskriptif bagi mencari nilai min dan peratus bagi menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana. Ciri yang paling menonjol ialah lokus kawalan dalaman. Beberapa cadangan telah dikemukakan bagi membangun dan mengukuh lagi ciri personaliti keusahawanan pelajar.

Katakunci : personaliti keusahawanan

Pendahuluan

Keusahawanan menjadi suatu perkara yang begitu menarik perhatian umum dan pendapat yang popular masa kini dan abad ke 21 merupakan dekad keusahawanan (Schwarz 1999). Dari segi ekonomi, usahawan dikatakan menjadi penyelesaian kepada banyak masalah terutamanya menjadi penyumbang kepada pekerjaan atau sebagai salah satu instrumen dalam menyelesaikan masalah pengangguran.

Ketika hubungan di antara keusahawanan dengan pertumbuhan ekonomi adalah kompleks dan berbagai sudut, maka tidak boleh dipertikaikan juga bahawa keupayaan usahawan merupakan komponen penting dalam kemampuan sesebuah negara untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Tidak dapat disangsikan juga bahawa keusahawanan memainkan peranan yang amat kritikal dalam ekonomi dunia, bahawa keusahawanan adalah merupakan daya penggerak kepada kedua-dua pertumbuhan ekonomi dan mencipta peluang kerja. (Levin, 1998:79; Lunsche dan Baron, 1998:1; Sunter, 2000:23).

Dengan peningkatan persaingan di pasaran global, ekonomi akan terus diperkukuhkan dengan meningkatkan daya saing dan menerokai sumber pertumbuhan baru. Peningkatan daya saing ini memerlukan modal insan bertaraf dunia yang berpengetahuan tinggi, berkemahiran, serba boleh dan kreatif serta memiliki etika kerja positif dan nilai kerohanian. Kerajaan berpendapat kejayaan masa hadapan negara bergantung kepada modal insan yang dimiliki, bukan sahaja dari segi intelek tetapi juga keperibadian.

Mengenalpasti hubungan di antara ciri-ciri personaliti dengan ciri-ciri keusahawanan adalah penting untuk tujuan teori dan amali kerana usahawan yang mempunyai personaliti tertentu lebih cenderung kepada orientasi keusahawanan dan dengan mengenalpasti kecenderungan ini mungkin memberi keuntungan kepada organisasi. Pada masa dahulu, keperluan untuk kejayaan, mengambil risiko dan lokus kawalan telah dianalisis berhubung

dengan ciri-ciri keusahawanan dan telah dikenalpasti berkaitan dengan menjadi atau ingin menjadi usahawan (Ahmed, 1985; Begloy & Boyd, 1987; Bonnet & Furnham, 1991).

Dalam kajian-kajian yang lepas, dapatan berhubung dengan ciri-ciri ini mempunyai berbagai tafsiran. Dalam bahagian-bahagian kecil di bawah ini dihuraikan secara ringkas lima ciri personaliti dan spekulasi mengenainya mungkin dapat dikaitkan dengan tiap-tiap satu dimensi kepada orientasi keusahawanan.

Penyataan Masalah

Dalam kajian ini pengkaji ingin mengkaji ciri-ciri keusahawanan dari segi personaliti individu iaitu dorongan kejayaan, lokus kawalan, kesediaan mengambil risiko dan nilai sendiri pelajar Tahun 2 Kursus Kemahiran Hidup Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.

Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji ciri personaliti keusahawanan yang terdapat pada pelajar Tahun 2 Kursus Kemahiran Hidup Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.

Objektif kajian ini dijalankan ialah untuk:

1. Mengenalpasti ciri personaliti dorongan kejayaan pelajar.
2. Mengenalpasti ciri personaliti lokus kawalan pelajar.
3. Mengenalpasti ciri personaliti kesediaan mengambil risiko pelajar.
4. Mengenalpasti ciri personaliti nilai sendiri pelajar.

Kepentingan Kajian

Kepentingan daripada kajian ini adalah diharapkan dapat mengenalpasti ciri-ciri keusahawanan pelajar melalui personaliti serta menjadi panduan kepada pelajar-pelajar, ibu bapa, ahli akademik, para pemimpin, penggubal dasar, pihak kementerian berkenaan dan masyarakat amnya dalam membina dorongan dan personaliti seseorang untuk berjaya di samping membekalkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketrampilan, berperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Adalah penting kajian ini dilakukan supaya hasil dapatannya nanti dapat menjadi panduan kepada pengkaji-pengkaji lain, pihak sekolah dan universiti dalam merancang kurikulum dan aktiviti yang sesuai untuk pelajarnya agar mereka mempunyai daya saing serta mempunyai ketahanan dan kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah.

Rasional Kajian

Tidak ada jalan singkat untuk mencipta kejayaan. Berjaya atau gagal seseorang usahawan dalam usahanya bergantung pada sejauh mana usahawan itu benar-benar yakin pada usaha yang dijelankannya. Selain itu, usahawan juga hendaklah melengkapkan dirinya dengan kualiti diri dan budaya hidup yang cemerlang.

Adalah mustahak untuk mengenalpasti hubungan antara ciri-ciri personaliti dengan kejayaan keusahawanan. Orang-orang yang memilih untuk mengusahakan perniagaan yang bersesuaian dengan personaliti sebenar mereka kemungkinan akan mengalami kejayaan dan kepuasan pada tahap yang tertinggi.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah satu kajian deskriptif yang berbentuk tinjauan. Penyelidik hanya akan meninjau situasi pada satu masa tertentu sahaja (Mohd Najib,1999). Kajian deskriptif berbentuk tinjauan tidak dapat menerangkan kaitan lanjutan kecuali pola pada satu-satu peringkat masa sahaja. Menurut Majid (2005) pula, penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku atau bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji.

Kajian tinjauan dijalankan ke atas pelajar-pelajar Tahun Dua Kursus Kemahiran Hidup Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor. Kajian ini tertumpu kepada mengkaji ciri-ciri keusahawanan dari segi personaliti pelajar-pelajar tersebut serta kecenderungannya dengan semangat keusahawanan.

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini melibatkan satu set soal selidik yang akan diedarkan kepada 89 orang pelajar Tahun Dua Kursus Kemahiran Hidup Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor .

Majid (2005) menyatakan pemboleh ubah adalah ciri yang dicerap dari tiap-tiap individu dalam sesuatu populasi. Pemboleh ubah adalah perkara yang diletakkan nilai untuk tujuan analisis dan penyelidikan. Nilai ini boleh berubah-ubah. Jumlah pemboleh ubah boleh membantu menerangkan rekabentuk penyelidikan yang boleh dilaksanakan (Mohd Najib, 1999).

Jadual 1 : Pemboleh ubah Bebas dan Pemboleh ubah bersandar.

Pemboleh ubah	
Pemboleh ubah bebas	Pemboleh ubah bersandar
Personaliti	Dorongan kejayaan
	Lokus kawalan
	Kesediaan mengambil risiko
	Nilai sendiri

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik mempunyai beberapa kebaikan berbanding cara-cara lain dalam usaha penyelidikan mendapatkan maklumat-maklumat kualitatif dan kuantitatif. Menurut Majid (2005) penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel kerana sampel tidak akan dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Menurut Mohd. Najib (1999), pula soal selidik digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan dua kaedah soalan iaitu soalan bebas-jawab (terbuka) dan juga soalan senarai semak atau skala kadar. Penyelidik menggunakan soalan skala kadar menggunakan kaedah likert. Borang soal selidik ini mengandungi 2 bahagian iaitu A dan B. Bahagian A yang menggunakan skala norminal adalah soalan yang perlu ditanda oleh sampel berkaitan profil sampel. Bahagian B pula item-item berkaitan ciri personaliti keusahawanan sampel . Skala yang digunakan untuk mengukur pemarkahan bahagian B bagi kajian ini ialah menggunakan skala Likert lima peringkat iaitu 1, 2, 3, 4 dan 5. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah bersesuaian dengan jumlah sampel untuk memudahkan proses pungutan data.

Populasi Dan Sampel Kajian

Menurut Mohamad Najib (1999) populasi adalah semua ahli dalam kelompok yang dikaji. Penyelidik perlu mengenalpasti kelompok individu yang akan diselidik. Contohan beberapa ahli atau subjek dalam populasi dinamakan sampel. Sampel adalah sumber untuk mendapatkan data. Teknik persampelan rawak kelompok digunakan bagi memilih sampel bagi kajian ini.

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar Tahun Dua Kursus Kemahiran Hidup Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor. Populasi kajian terdiri daripada pelajar- pelajar Tahun Dua yang mengikuti kursus Kemahiran Hidup Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor. Populasi keseluruhan bagi kajian ini iaitu seramai 89 orang pelajar terdiri dari berbagai kaum yang menuntut dalam Tahun Dua Kursus Kemahiran Hidup Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor dipilih sebagai sampel untuk menjalankan kajian ini.

Walau bagaimanapun berdasarkan hasil kajian, penyelidik mendapati hanya 50 orang responden sahaja yang menjawab soal selidik tersebut.

Kajian Rintis

Bagi menentukan item-item bagi soal selidik yang akan digunakan bagi kajian ini relevan dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi kajian rintis dijalankan. Pekali nilai Alfa Cronbach digunakan untuk mendapatkan pekali kebolehpercayaan. Dalam kajian rintis ini, sebanyak 10 sampel terdiri dari kalangan pelajar Program Khas Pensiswazahan Guru Tahun Empat Kursus Kemahiran Hidup Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Johor dipilih secara rawak.

Jadual 2 : Pekali Alfa Cronbach

Nilai	Tahap
0.0 – 0.2	Rendah (Ubah kesemua item)
0.2 – 0.8	Sederhana (Ubah sebilangan item)
0.8 – 1.0	Tinggi (Item boleh diterima)

Sumber : Pekali Alfa Cronbach (Mohd Najib, 1998)

Hasil dapatan dari data kajian rintis tersebut yang diproses dengan Statistic Package for the Social Science (SPSS 11.5) mendapati nilai alfa yang diperolehi adalah 0.623. Ini menunjukkan indeks kebolehpercayaan mempunyai tahap yang sederhana dan sebilangan item perlu diubah.

Analisis Keseluruhan

Hasil daripada analisis kajian, peratusan keseluruhan bagi setiap ciri personaliti keusahawanan ialah seperti ditunjukkan dalam jadual 3.

Jadual 3: Peratusan Keseluruhan Responden Berdasarkan Setiap Ciri Personaliti Keusahawanan


Ciri Personaliti Keusahawanan	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Min
Dorongan Kejayaan	18.4%	21.8%	59.8%	3.57
Lokus Kawalan Dalaman	10.4%	15.2%	74.4%	3.97
Lokus Kawalan Luaran	46.4%	26.8%	26.8%	2.68
Kesediaan Mengambil Risiko	16.8%	23.4%	59.8%	3.57
Nilai Kendiri	14.4%	22.6%	58.0%	3.60

Rajah 3 menunjukkan peratusan keseluruhan bagi setiap ciri keusahawanan. Berdasarkan jadual, dapatan daripada kajian menunjukkan peratusan setuju bagi ciri lokus kawalan dalaman adalah tertinggi iaitu sebanyak 74.4% setuju dengan nilai min 3.97, diikuti oleh ciri dorongan kejayaan dan kesediaan mengambil risiko masing-masingnya sebanyak 59.8% setuju dengan nilai min 3.57. Bagi ciri nilai kendiri peratusan setuju adalah 58% dengan nilai min sebanyak 3.60 dan peratusan setuju yang paling rendah sekali ialah ciri lokus kawalan luaran iaitu hanya 26.8% dengan nilai min sebanyak 2.68.

Perbincangan

Hasil daripada kajian yang telah dilakukan, terdapat beberapa perkara dapat dibincangkan mengenai ciri personaliti keusahawanan pelajar dari aspek dorongan kejayaan, lokus kawalan, kesediaan mengambil risiko serta nilai kendiri.

Motivasi ialah suatu proses dalam diri seseorang yang memberinya tenaga, menentukan sikap dan menunjukkan arah matlamat yang ingin dituju (Khairuddin, 2003). Keperluan pencapaian yang tinggi merupakan kunci utama bagi ciri personaliti keusahawanan (McClelland, 1961) dan merupakan ciri kepimpinan keusahawanan yang diiktiraf.



Rajah 1 : Purata peratusan responden berdasarkan ciri personaliti dorongan kejayaan.

Sebanyak 10 item dikemukakan untuk melihat relevansi kejayaan sebagai pendorong ke arah menceburi bidang keusahawanan. Hasil kajian mendapati tahap personaliti dorongan kejayaan berada pada tahap sederhana dengan purata min 3.57. Secara menyeluruh, 59.8% Bersetuju, 21.8% Tidak pasti dan 18.4% Tidak Setuju.

Responden memiliki ciri-ciri keusahawanan dari segi personaliti dorongan kejayaan pada tahap sederhana. Walaupun demikian responden mempunyai semangat untuk terus berusaha mempelajari perkara yang mereka belum mahir dan mereka juga lebih gemar melakukan

pekerjaan yang memerlukan tahap kemahiran yang tinggi. Menurut Ahmad Shukri (2002), individu yang mempunyai orientasi pencapaian yang tinggi mempamerkan tingkahlaku yang sentiasa berusaha memperbaiki mutu kerjanya, ingin melakukan dan mencuba yang terbaik dalam setiap perkara yang dilakukan dan gemar kepada bentuk kerja yang mencabar sifatnya manakala individu yang mempunyai orientasi pencapaian yang rendah bersifat sukar atau lambat untuk memperbaiki kelemahan, sentiasa berpuashati dengan pencapaian yang sedia ada dan gemar kepada jenis kerja yang kurang mencabar seperti kerja-kerja yang bersifat rutin.

Ahli psikologi seperti Mc Clelland (1961) berpendapat usahawan adalah individu yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi. Mereka lebih suka mengambil tanggungjawab untuk mencapai sesuatu matlamat dengan daya usaha sendiri.

Walaupun kejayaan sebagai faktor pendorong, namun dalam apapun bidang, kejayaan tidak akan wujud tanpa adanya faktor-faktor lain seperti berinovatif dan bersikap terbuka terhadap perubahan.

Lokus kawalan dalaman (*internal locus of control*) merupakan istilah yang digunakan oleh ahli psikologi untuk menggambarkan sikap seseorang terhadap persekitaran luaran. Kebanyakan individu malah masyarakat mempunyai pandangan mereka dipengaruhi oleh dunia luaran bahawa apa yang berlaku kepada mereka ditentukan oleh takdir, majikan atau syarikat mereka. Keadaan sedemikian dikenali sebagai lokus kawalan luaran (*external locus of control*.) Kebanyakan pemimpin usahawan yang berjaya mempunyai lokus kawalan dalaman yang kuat. Mereka percaya bahawa mereka berkuasa untuk mengubah apa yang akan berlaku.

Responden menunjukkan mereka memiliki ciri-ciri kesedaran terhadap tahap autonomi yang ada pada diri seseorang serta tahap keinginan seseorang untuk bertanggungjawab ke atas keputusan yang dibuat. Kenyataan ini disokong oleh (Norasmah & Halimah 2007), bahawa usahawan yang berjaya percaya kepada diri mereka sendiri tetapi juga mengakui bahawa keadaan juga memainkan peranan dalam memberi peluang perniagaan. Individu yang mempunyai lokus kawalan dalaman yang tinggi percaya bahawa mereka boleh mempengaruhi apa yang mereka inginkan dalam hidup. Mereka percaya mereka boleh mengawal apa yang berlaku termasuk kejayaan atau kegagalan mereka sendiri. Mereka yang mempunyai lokus kawalan dalaman tidak percaya kejayaan atau kegagalan ditentukan oleh nasib, takdir dan apa-apa yang

Ciri penting untuk usahawan berjaya ialah percaya kepada diri mereka sendiri. Ciri tersebut akan menjadi lebih berguna lagi kepada seseorang individu jika sekiranya mereka berusaha untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan pengalaman keusahawanan yang relevan sebagai asas dan prasyarat penting bagi sesiapa yang ingin menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Kebanyakan usahawan yang berjaya di zaman moden ini menggabungkan kedua-duanya iaitu lokus kawalan dalaman dan kawalan luaran. Apa yang dilakukan ialah menterjemah lokus kawalan dalaman mereka kepada visi projek yang menggerakkan pihak sokongan untuk merealisasikan ide tersebut (Rotter, 1966).

Satu lagi ciri yang harus ada pada usahawan yang berjaya ialah kesanggupan mengambil risiko. Secara keseluruhan hasil kajian mendapati tahap personaliti kesediaan mengambil risiko berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.57 dengan 59.8% setuju, 23.4% tidak pasti manakala 16.8% tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa responden belum bersedia untuk mengambil risiko sepenuhnya. Ini sejajar dengan teori kecekapan diri atau *self-efficacy* (Bandura, 1997), di mana manusia memiliki keupayaan refleksi diri yang membolehkannya mengawal proses pemikiran, perasaan (*emotional intelligence*), motivasi dan perlakuan dan

dikaitkan dengan aspek keyakinan diri, komitmen tinggi terhadap tanggungjawab dan mampu mengurus perkara-perkara yang kompleks serta rumit.

Personaliti nilai sendiri merangkumi soal genetik dan persekitaran, motivasi dan emosi serta perlakuan dan sifat. Hasil kajian mendapati tahap personaliti nilai sendiri berada pada tahap sederhana dengan purata min sebanyak 3.60 dengan 58 % setuju, 22.6% tidak pasti dan 14.4% tidak setuju. Dapatan menunjukkan responden ingin menjadi usahawan kerana mereka ingin memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran yang ada pada mereka. Dalam masa yang sama, responden menunjukkan keinginan mereka untuk mengurus sendiri sumber yang ada. Pengaruh penglibatan keluarga dalam bidang keusahawanan paling kurang mempengaruhi responden untuk menceburkan diri dalam keusahawanan. Dapatan kajian yang dilakukan oleh Norasmah, 2007 ke atas remaja Malaysia juga mendapati paling sedikit responden memberi alasan yang sama iaitu mereka ingin menceburi bidang keusahawanan bukan kerana tradisi keluarga. Ini bukan petunjuk bahawa sampel tidak memiliki ciri-ciri untuk menjadi usahawan yang berjaya kerana isu sama ada ciri-ciri penting perlu dimiliki oleh usahawawan yang berjaya ditentukan oleh sifat-sifat peribadi (*personality traits*) atau yang dipelajari dan dipupuk melalui pengalaman hidup (S. Shane & Venkataraman, 2000). Pengalaman hidup dan pengaruh persekitaran boleh mempengaruhi kejayaan usahawan.

Rujukan

- Allport, G.W. (1971). "Personality : A Physycological Interpretation". London : Redwood Press Limited.
- Bandura, A. "Self-Efficacy: The Exercise of Control". New York: W.H.Freeman and Company, 1997.
- Cole, A. (1969). "Definition of Enterpreneurship" In J. Komives eds., Karl. A. Bostrum Seminar in the Study of Enterprise, p.10-12.
- Dollinger, M. (1995). "Enterpreurship: Strategies and Resources". Illinois: Irwin.
- Ibrahim Mamat & Zaiton Hassan (2008). "Pengurusan Sumber Manusia Perspektif Modal Insan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Khaairuddin Khalil (2003). "Keusahawanan Sebagai Kerjaya Edisi Kedua." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kurikulum Sekolah Menengah (1985). Petaling Jaya: Federal Publications Sdn Bhd.(Pusat Daya Pengeluaran Negara) Kertas Kerja Seminar Pendidikan Umum
- McClelland, D. C. (1961). "The achieving society" . Princeton : D. Van Nostrand Company, Inc.
- O' Connor, E. J., & Fiol, C. M. (2002). "Mindful over mindless: Learning to think like an entrepreneur". The Physician Executive 28, (4), 18-23.
- Prof. Datuk Dr. Syed Othman Alhapsi – "Ciri-ciri Modal Insan Berdaya Saing" Kertas Kerja Persidangan Pengetua Sekolah Menengah Sarawak, 2007)
- Rogers, D (1985). "Adolescents & Youth". (5thed) Eaglewood Cliff New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Rotter, J.B. (1966). "Generalised Expectancies for Internal vs External Control of Reinforcement". Psychological Monographs. 80 (609).
- Schwarz, L.B. (1999). "Entrepreneurship The Art of Embracing the Unknown." US: Pub Press.
- Shane, S., S. Venkataraman. "The promise of entrepreneurship as a field of research." Academy of Management Journal 25, (2000): 217-226.
- Zafir Mohd & Fazilah Mohamad (2006) "Menjadi Usahawan". Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.